

28/10/1999

Anwar tuduh Rafidah lagakannya dengan PM

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata Datuk Seri Rafidah Aziz pernah melaga-lagakannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad bagi menyelamatkan dirinya daripada tuduhan rasuah.

Anwar yang menyambung keterangan membela diri hari keempat, berkata Rafidah akan mengkritik Perdana Menteri ketika menemuinya dan menyerangnya (Anwar) apabila bersama Dr Mahathir pula.

"Saya katakan begitu kerana ketika berbincang dan menulis surat kepada saya, beliau mengkritik dan menyerang Perdana Menteri tetapi di depan Perdana Menteri, beliau menyerang saya pula.

"Apabila saya bangkitkan perkara itu kepada Perdana Menteri, berlagalah saya dengan Perdana Menteri ... itulah rancangan beliau," katanya.

Menjawab soalan peguam belanya, Christopher Fernando, apakah motif Rafidah berbuat demikian, Anwar berkata: "Rafidah tahu bahawa beliau akan menghadapi tuduhan rasuah, maka jalan untuk menyelamatkan diri adalah dengan cuba tunjukkan beliau di satu pihak bersama saya dan satu pihak bersama Perdana Menteri".

Anwar kemudian mengemukakan surat Rafidah yang dihantar kepadanya pada 1996 yang antara lain menyatakan perasaan tidak puas hati terhadap beberapa perkara seperti projek mega; sikap perdana menteri dan Tun Daim Zainuddin.

Katanya, berdasarkan kepada surat Rafidah itu dia berpendapat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri itu cuba mendapat perhatiannya dan membuktikan beliau adalah penyokong setianya.

"Pada ketika itu, mungkin saya percaya tetapi melihat pada peristiwa berikutnya, membuktikan keadaan sebaliknya," kata Anwar.

Hakim Datuk Ariffin Jaka mencelah: Bila sahaja mereka dapat lihat tanda awak (Anwar) menjadi pilihan, mereka akan sokong awak. Ini semua mainan politik.

Anwar hanya tersenyum dan mengangguk kepalanya tanda setuju dengan pandangan Ariffin.

Fernando kemudian meminta Anwar membacakan kandungan surat Rafidah yang ditulis secara tangan kepadanya.

Surat yang ditulis dalam bahasa Inggeris antara lain menyatakan, "PM (Prime Minister) is being surrounded by crooks. Tun Daim seems want everything, we were careless in our spending, including mega projects.

(PM dikelilingi oleh penjahat. Tun Daim seolah-olah mahu segalanya. Kita terlalu cuai dalam perbelanjaan, termasuk projek mega).

"PM had better shape-up on his judgement of people before his good name becomes irrevocably marred. We are much too involved in glamour projects.

(Lebih baik PM berhati-hati dalam menilai seseorang sebelum nama baiknya rosak. Kita terlalu terbabit dalam projek glamor)

"I'm frankly sick and tired of insinuations by people; If Tun Daim wants to be a steel giant, let him be, don't plant insinuations in PM's head."

(Secara terus terang saya bosan dengan sikap meracuni fikiran orang. Jika Tun Daim mahu jadi gergasi perniagaan besi, biarkan, tetapi jangan meracuni fikiran PM).

Anwar berkata, Rafidah juga pernah melahirkan rasa tidak puas hati terhadap projek besi di Terengganu.

"Rafidah menyatakan beliau tidak puas hati dengan projek besi dan cara PM serta Tun Daim mengendalikan keputusan mengenai projek itu, termasuk perbalahan berhubung keputusan meluluskan projek Gunawan Steel," katanya.

Anwar berkata Rafidah juga pernah menyatakan bahawa Daim mengambil banyak projek penswastaaan, tanah dan saham, serta pada masa yang sama masih menjadi Penasihat Utama Perdana Menteri.

Kepada soalan Fernando apakah tindak balas Rafidah selepas mengetahui Anwar berbincang tuduhan rasuah (Rafidah) dengan Perdana Menteri, Anwar menjawab: "Beliau (Rafidah) menuduh, saya yang meminta Peguam Negara dan Badan Pencengah Rasuah (BPR) mengambil tindakan terhadapnya serta membuat cadangan tuduhan rasuah.

"Malah semua perbualan peribadi saya dengan Perdana Menteri, Rafidah tahu atau diberitahu kepadanya".

"Tetapi saya ada memberi penekanan kepadanya bahawa terpulang kepada Peguam Negara dan BPR yang diberi amanah untuk menjalankan tugas mereka secara profesional. Saya beritahunya bahawa perkara itu di luar kuasa saya dan tidak akan mengganggu BPR atau Peguam Negara," katanya.

Fernando: Mengenai tindakan yang dirancang oleh Megat Junid, adakah Datuk Seri berbincang dengan Rafidah mengenai perkara itu?

Anwar: "Ada dibangkitkan. Saya menegurnya dengan keras kerana Rafidah sebagai seorang menteri kanan dan beliau tahu bahawa kita tidak boleh membuat pakatan dengan Peguam Negara dan mempengaruhi hakim, seperti mana yang disebut dalam surat Megat Junid."

Fernando: "Apakah sikap Rafidah terhadap Datuk Seri selepas beliau dapat tahu bahawa Datuk Seri telah menarik perhatian Perdana Menteri mengenai perkara itu?"

Anwar: "Yang Arif, dari segi hubungan kerja masih biasa tetapi tindakbalasnya, beliau marah pada saya. Tetapi saya beritahu Rafidah bahawa perkara itu bukan baru, Perdana Menteri mendapat laporan daripada Peguam Negara dan juga surat daripada Megat Junid. Lagipun pada ketika itu saya adalah Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengurusan dan Penguatkuasaan Kerajaan."

Perbicaraan ditangguhkan pada jam 12.30 tengah hari bagi membolehkan Anwar menjalani pemeriksaan perubatan di Hospital Kuala Lumpur (HKL). Perbicaraan bersambung esok.

(END)